

22/07/2000

Al-Ma'unah terpengaruh dakyah Pas

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa kumpulan Al-Ma'unah yang mencetuskan keganasan di Sauk baru-baru mendapat inspirasi daripada Pas setelah terpengaruh dengan dakyah parti pembangkang itu.

Perdana Menteri berkata, ketua kumpulan itu, Mohd Amin Mohd Razali berasal daripada keluarga ahli Pas serta tinggal di kampung yang dikuasai parti itu dan dia jelas sekali terpengaruh dengan pendapat parti itu.

Dr Mahathir berkata, Mohd Amin dan kumpulannya percaya dengan dakyah yang disebarkan konon Umno dan kerajaan sekarang adalah kafir dan Malaysia bukan negara Islam dan mereka perlu menegakkan sebuah negara Islam.

"Kita tak boleh lagi nafikan bahawa (kumpulan) Al-Ma'unah ini mendapat inspirasi daripada Pas dan mereka walaupun mungkin tidak dengan arahan daripada ketua parti Pas tetapi mereka terpengaruh dengan dakyah Pas.

"Sebenarnya Amin ini datang daripada keluarga orang Pas, tinggal di kampung yang didominasi oleh Pas, semua keluarganya terdiri daripada orang Pas dan jelas sekali bahawa dia terpengaruh dengan pendapat Pas," kata Presiden Umno itu selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno selama kira-kira tiga jam di sini malam ini.

Beliau berkata, tindakan Mohd Amin disebabkan oleh perasaan benci dan marah terhadap Umno dan kerajaan dan berniat menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

Dr Mahathir juga menangkis dakwaan bahawa insiden di Sauk itu adalah satu sandiwara Umno atau kerajaan dan menyifatkan tuduhan itu sebagai cubaan pihak terbabit untuk menutup kesalahan mereka.

Katanya, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, sudah menyatakan mengenai sandiwara sehari selepas peristiwa itu dan kenyataannya disambut oleh ahli Pas, sama ketika Nik Aziz menyatakan tuhan juga mencarut.

"Orang yang berkata, ini soal sandiwara Umno memang pun percaya mereka bersalah sebab itu mereka cuba tangkis awal-awal lagi," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan kumpulan Al-Ma'unah sudah membuat perancangan rapi, termasuk menjadikan Bukit Jenalek sebagai markas mereka sebelum sebahagian daripada yang berpakaian celoreng tentera melarikan senjata berkenaan.

Beliau berkata, kumpulan itu juga menghantar beberapa ahlinya keluar daripada Bukit Jenalek dengan senjata yang diperolehi itu untuk mencetuskan huru-hara di tempat lain seperti yang terbukti daripada serangan di kuil dan kilang Carlsberg.

Katanya, ia nampak betul terancang dan tuduhan ia dirancang oleh kerajaan sama sekali tidak munasabah.

"Malah, kita mendapati bahawa fakta yang digunakan oleh mereka ialah kononnya tentera yang pergi ke kem ini mereka berjanggut, dengan itu tidak mungkin mereka nampak macam askar tetapi kita mendapat maklumat bahawa mereka memang cukur janggut, tidak ada janggut," katanya.

Dr Mahathir berkata, selepas kejadian di Sauk yang membawa kepada pembunuhan dua tebusan itu, kerajaan kini lebih berwaspada dengan kegiatan badan-badan seumpama itu.

"Kita tidak boleh tunggu sehingga benda berlaku baru ambil tindakan ... kita lihat apa yang terjadi apabila kita relaks.

"Sebenarnya apabila mereka (kumpulan Al-Ma'unah) berlatih dengan menggunakan pelbagai peralatan dan iklankan dalam Harakah supaya menyertai gerakan mereka kita pandang ringan seolah-olah tidak ada sesuatu yang

buruk ... kita tahu sekarang kegiatan ini membawa kepada keburukan,"
katanya.

Beliau berkata, ahli MT Umno akan memberi penjelasan kepada rakyat di seluruh negara mengenai tindak-tanduk kumpulan terbabit.

Dr Mahathir berkata, kertas putih mengenai kejadian itu akan dikeluarkan secepat mungkin.

(END)